

SOALAN NO. 82**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]**

TARIKH : 26 JULAI 2017

SOALAN :

YB Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta PERDANA MENTERI menyatakan sasaran yang telah dicapai dalam pembinaan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) di seluruh negara, terutama di Sabah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2017, sebanyak 333 projek telah diluluskan di seluruh negara. Daripada jumlah ini sejumlah 3,458 unit sudah siap untuk diduduki, dan bakinya sedang dalam berbagai peringkat pelaksanaan.

Untuk Negeri Sabah, sejumlah 7,220 unit melibatkan 14 projek telah diluluskan. Daripada jumlah ini sejumlah 136 unit sudah siap dan 2,016 unit sedang dalam pembinaan manakala 3,593 unit sedang dalam peringkat pra pembinaan dan 1,475 unit di peringkat kelulusan perancangan

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 83

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]**

TARIKH : 26 JULAI 2017

SOALAN :

YB. Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang meletakkan suatu polisi dalam mengawal moral pelancong asing supaya mereka dapat menghormati agama, budaya dan adat resam ketimuran.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tidak meletakkan suatu polisi dalam mengawal etika pelancong asing yang melawat negara kita. Walau bagaimanapun, Kementerian ini melalui Tourism Malaysia telah menerbitkan risalah seperti "*Malaysia Travel Guide*" dan "*Customs & Etiquette*" sebagai panduan dan rujukan kepada para pelancong terutama mereka yang ingin berinteraksi dengan masyarakat tempatan supaya mereka lebih prihatin terhadap sensitiviti masyarakat tempatan yang berbilang kaum, bangsa dan agama. Risalah-risalah ini telah diterbitkan sejak lebih daripada 10 tahun yang lalu dan dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut keperluan terkini. Antara perkara yang diberi perhatian adalah mengenai aspek etika sosial seperti yang berikut:-

- i) Pengenalan kepada masyarakat tempatan dan sensitiviti, seperti cara memberi salam kepada golongan berusia dan kenamaan dengan gelaran, berpakaian, pantang larang kaum, tingkah laku ketika melawat rumah-rumah ibadah, inap desa (program "*homestay*") dan cara yang terbaik untuk berinteraksi dengan masyarakat tempatan;
- ii) Cara berkelakuan di khalayak ramai di mana kelakuan kurang sopan tidak digalakkan;
- iii) Pemakaian yang bersesuaian di majlis-majlis rasmi dan perayaan keagamaan; dan

- iv) Panduan-panduan lain seperti keperluan menanggalkan kasut sebelum masuk ke rumah orang tempatan, cara-cara menghormati perayaan tempatan dan bersalaman dengan cara timur.

Risalah-risalah ini telah diedarkan ke serata dunia dan boleh diakses daripada laman sesawang Tourism Malaysia iaitu "www.tourism.gov.my". Di samping itu, pemandu-pemandu pelancong yang berlesen di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga telah dilatih untuk memberi penerangan kepada para pelancong berhubung perkara-perkara yang boleh atau tidak boleh dilakukan (*do's and dont's*) semasa berkunjung ke Malaysia.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (84)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 26 JULAI 2017 [RABU]
DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN ARIFIN
[ROMPIN]
SOALAN :

YB DATO' SRI HASAN ARIFIN [ROMPIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedar '*happynomics* dan *quality able of life*' merupakan indikator penting dalam pencapaian ekonomi negara maju. Adakah Kerajaan berhasrat untuk menjadikan dasar ini di antara dasar penting negara.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar bahawa pembangunan ekonomi semata-mata bukanlah petunjuk yang sempurna bagi menggambarkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. Sejak sekian lama, dasar Kerajaan sentiasa menumpukan kepada pembangunan sosio-ekonomi di mana aspek sosial dan kualiti hidup rakyat diberi perhatian yang sama penting dengan pembangunan ekonomi. Semenjak tahun 1991, Kerajaan telah menekankan aspek pembangunan seimbang seperti yang diperkenalkan dalam Wawasan 2020 dan Dasar Pembangunan Nasional.

Justeru itu, bagi mengukur pencapaian sosio ekonomi dan kualiti hidup rakyat, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) semenjak tahun 1999 yang mengandungi 10 komponen dan 38 indikator. Seterusnya, IKHM telah diperkukuh dan dimantapkan sebagai Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) pada tahun 2012 agar skopnya lebih menyeluruh dan dapat menggambarkan kesejahteraan rakyat. IKRM mengandungi 14 komponen dan 68 indikator antaranya pengangkutan, komunikasi,

pendidikan, kesihatan, alam sekitar dan keluarga. IKRM telah ditanda aras dengan inisiatif antarabangsa terpilih antaranya *OECD Your Better Life Index 2012*, *Quality of Life Index 2005*, *Human Development Indicator 2013* dan *World Happiness Report 2013*.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh 2000-2015, IKRM telah mencatatkan peningkatan sebanyak 1.4% setahun, disumbangkan oleh komponen ekonomi sebanyak 1.9% dan komponen sosial sebanyak 1.1%. Ini menunjukkan bahawa pembangunan negara bersifat inklusif di mana hasil pembangunan telah dapat disalurkan terus kepada rakyat dan menambah baik kualiti kehidupan mereka. Selain itu, Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan pembangunan yang besar kepada sektor ekonomi dan sektor sosial bagi membolehkan rakyat menikmati akses yang lebih baik kepada perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan termasuklah pengangkutan, komunikasi, pendidikan dan kesihatan. Dari segi persekitaran kehidupan juga telah bertambah baik berikutan peningkatan kualiti tempat kediaman dan kemudahan asas serta tahap keselamatan awam.

Namun begitu, IKRM juga telah menunjukkan terdapat beberapa bidang yang berprestasi kurang memuaskan seperti bidang kesihatan, alam sekitar dan keluarga. Kerajaan mengambil perhatian mengenai perkara ini dan sedang mengambil langkah untuk menanganinya melalui program dan inisiatif yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

26 Julai 2017

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
TARIKH : 26.07.2017
SOALAN : NO.85

Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah bilangan pelajar daripada Negara China dan pelajar tempatan yang belajar di Universiti Xiamen sejak ditubuhkan 2013 dan berapakah bilangan pensyarah daripada Malaysia dan luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Xiamen ditubuhkan di Malaysia pada tahun 2014 yang dikawal selia dan ditadbir urus mengikut Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555]. Sehingga Jun 2017, seramai 1,280 orang pelajar tempatan dan 447 orang pelajar antarabangsa telah didaftarkan di Universiti Xiemen. Manakala seramai 32 orang pensyarah tempatan dan 22 orang pensyarah luar negara sedang berkhidmat di Universiti tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN**
[KOTA BHARU]

TARIKH : **26 JULAI 2017 (RABU)**

SOALAN : **86**

Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) sejauh manakah pihak Kerajaan telah menguatkuasakan Akta Perlindungan Data Peribadi yang sepatutnya berfungsi untuk mencegah penyalahgunaan data peribadi orang awam untuk tujuan komersil; dan
- (b) setakat ini berapakah jumlah kes yang melibatkan kesalahan-kesalahan di bawah Akta tersebut dibawa ke Mahkamah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) telah